UB825 DEB
MAHATHIR - PENGURUSAN
(I) 1984
EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9 MALAM INI (7 NOV.)
---

PETALING JAYA, 7 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI BAHAWA KERAJAAN CENDERUNG MENGAWASI PERNIAGAAN DI NEGARA INI KERANA PENIAGA-PENIAGA SENDIRI YANG MAHU DILINDUNGI DAN KERANA SESETENGAH MEREKA MEMPUNYAI KECENDERUNGAN +MELAKUKAN AMALAN BURUK. +

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH MEMBUAT PENGORBANAN POLITIK YANG AMAT BESAR UNTUK MEMBANTU PARA PENGILANG MALAYSIA DAN SUDAHLAH SAMPAI MASANYA MEREKA MENGHAPUSKAN MENTALITI SUBSIDI.

+KITA GEMAR BERKATA BAHAWA PARA PETANI DAN NELAYAN MEMPUNYAI MENTALITI SUBSIDI. SEBENARNYA PARA PENGILANG MALAYSIA LEBIH BURUK LAGI....MEREKA TERUS-TERUSAN MEMINTA KERAJAAN BERBAGAI-BAGAI JENIS SUBSIDI, + BELIAU MENAMBAH DI MAJLIS JAMUAN INSTITUT PERUNDING PENGURUSAN DI HOTEL SUBANG VIEW DI SINI. BELIAU TELAH DIANUGERAHKAN FELLOWSHIP PERTAMA INSTITUT ITU DI MAJLIS ITU.

BELIAU MEMBERI KATA DUA KEPADA PARA PENGILANG SUPAYA MENPERGUNAKAN DENGAN BAIK PENGORBANAN-PENGORBANAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN, JIKA TIDAK KERAJAAN TERPAKSA MENIMBANG MENGENAKAN SEMULA KADAR-KADAR CUKAI BERAT KE ATAS PENDAPATAN YANG LEBIH TINGGI YANG WUJUD SEBELUM BELANJAWAN.

+JIKA PENGORBANAN ITU TIDAK DIHARGAI DAN AKIBATNYA PELABURAN-PELAPURAN YANG DIHARAPKAN SERTA -$-D-$-$BARANG-BARANG MALAYSIA YANG MEMPUNYAI PERSAINGAN TIDAK WUJUD, KERAJAAN TERPAKSALAH MENIMBANG MENGENAKAN SEMULA KADAR-KADAR CUKAI BERAT YANG WUJUD SEBELUM BELANJAWAN BARU ITU. PARA PENGURUS MESTILAH MENGAMBIL INGATAN PERKARA INI DAN MESTILAH TERUS MEMASTIKAN PERBELANJAAN YANG RENDAH,+ BELIAU MEMBERI AMARAN. LAGI

2045MST 07.11 84
----

U B827 DEE!
MAHATHIR - PENGURUSAN 2 PETALXNG JAYA(EMBARGO)

DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU PARA PERUNDING PENGURUSAN ITU BAHAWA ADALAH JUGA MENJADI TANGGUNGJAWAB MEREKA MENTAFSIRKAN BUKAN SAHAJA DASAR-DASAR KERAJAAN TETAPI JUGA JIKA TUAN-TUAN BOLEH MENGAWASI DIRI SENDIRI, KERAJAAN BEGITU BERSEDIA UNTUK MENARIK DIRI....TETAPI DI MALAYSIA', TELAH TERBUKTI BERKALI-KALI BAHAWA INI ADALAH TIDAK MUNGKIN.+

PERDANA MENTERI MENERANGKAN BAHAWA KERAJAAN BUKANLAH BERSIKAP MEMENTINGKAN DIRI APABILA MEMBANTU GOLONGAN PENIAGA DAN IA TIDAK MAHU MELIHAT SEGOLONGAN KECIL MASYARAKAT +TERLALU KAYA.+

PERDANAMENTERI MENJELASKAN BAHAWA SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN DEMOKRATIK IA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA GOLONGAN TERBESAR DAN GOLONGAN TERSEBUT ADALAH MISKIN.

BELIAU BERKATA JIKA KERAJAAN MEMBANTU GOLONGAN KAYA, INI ADALAH KERANA IA MAHU MENGAMBIL DARI GOLONGAN TERSEBUT YANG MEREKA PEROLEHI UNTUK MEMBOLEHKANNYA DIAGIH-AGIHKAN SEMULA KEPADA SELURUH PENDUDUK.

+PENGAMBILAN ITU MESTILAH DIBUAT DENGAN ADIL SUPAYA KITA TIDAK MEMEUNUH MEREKA. SESUNGGUHNYA,KITA HENDAKLAH MERANGSANG MEREKA SUPAYA MENGELUARKAN LEBIHSUPAYAKITADAPATLEBIHBANYAK. SEBAHAGIAN BESARDARI SEKEPING KEK YANG KECIL DAN BERKURANGAN ADALAH TIDAK SEBAIK SEBAHAGIAN YANG MEMBESAR.

+ITULAH FALSAFAH KERAJAAN. SAYAMENYATAKANINIDENGANCARA KASAR KERANAPEMIKIR YANG BIJAKDI NEGARA INS SELALUNYA TIDAK SANGGUP MENGHARGAI PERKARA-PERKARA KECIL,+ BELIAU MENAMBAH SAMBIL DISAMBUT DENGANKETAWA OLEH PARA TETAMU MAJLIS TERMASUK TOKOH-TOKOH PERINDUSTRIAN.

BELIAUKESAL YANG PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG NAMPAK +KEBURUKAN DANKETIDAKADILANAPABILA KERAJAAN MEMBUAT SESUATU DAN SEPERTI DON KISOT MEREKA BANGUN MENENTANG BALING-BALING YANG DICIPTA MEREKA SENDIRI.+

+ADALAH MERUPAKAN PEMBAZIRAN TENAGA INTELEK DI MASA NEGARA MEMERLUKAN GURU-GURU UNTUK MENGAJAR NILAI-NILAI BAIK DAN ETIKA-ETIKA KERJA YANG BAIK.+

DR.MAHATHIR,BAGAIMANAPUN, GEMBIRA MENDAPATI BAHAWA PERUNDING-PERUNDING PENGURUSAN TIDAK MENGAMALKAN SIKAP MAHUKAN DARI ISTIL